



**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGAJIAN PEKERJA ASING

**SEKTOR PERKHIDMATAN
RESTORAN**

Agensi Kawal Selia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

FORMAT PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

Dibenarkan:

1. Restoran; dan
2. Kedai makan bermasak.

Tidak dibenarkan:

1. Restoran makanan segera;
2. Restoran yang berada dalam hotel (pemilik yang sama);
3. Kelab malam;
4. Medan selera (*Foodcourt*); dan
5. Kafeteria.

DIMENSI PENILAIAN

- Menu makanan yang disediakan dan stesen kerja (*workstation*).

KRITERIA KELAYAKAN KUOTA

- Nisbah 1 pekerja tempatan: 3 pekerja asing

JAWATAN YANG DIBENARKAN

1. Kru Restoran; dan
2. Pembantu Tukang Masak.

DOKUMEN WAJIB PERMOHONAN

1. Dokumen SSM terkini;
2. Penyata KWSP (3 bulan terkini);
3. Penyata bank (3 bulan terkini);
4. Penyata Cukai Pendapatan (<https://www.hasil.gov.my/borang/muat-turun-borang>):
 - a) Borang B - Pemilikan Tunggal/Enterprise
 - b) Borang C – Syarikat
5. Perjanjian sewa pajak terkini; dan
6. Lesen PBT terkini.

DOKUMEN TAMBAHAN

1. Gambar hadapan premis dan aktiviti perniagaan; dan
2. Senarai menu.

SYARAT TAMBAHAN

1. Pekerja asing yang dimohon hanya untuk premis sedia ada dan bukan untuk tujuan pembukaan cawangan baharu; dan
2. Sekiranya terdapat keperluan pertukaran lokasi, majikan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen.

** Maklumat dikemaskini pada 18 Oktober 2024*